



# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTICORRUPTION PLAN (OACP)

## 2021-2025

*“Kami Tolak Rasuah”*





# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI**

*ORGANISATIONAL ANTICORRUPTION PLAN (OACP)*

## **2021-2025**

*“Kami Tolak Rasuah”*

# AMANAT PENGERUSI



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PUSAKA telah berjaya dibangunkan untuk tahun 2021- 2025.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. OACP ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat PUSAKA melibatkan semua bahagian di PUSAKA untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek operasi PUSAKA.

OACP ini juga menyatukan semua usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah. Ia merupakan panduan kepada warga PUSAKA dalam mendukung aspirasi Kerajaan demi memastikan Malaysia dikenali dengan integriti

yang tinggi.

Dengan ini diharapkan agar warga PUSAKA dapat melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah diwujudkan secara berterusan agar penyampaian perkhidmatan yang diberikan lebih telus, bertanggungjawab dan berintegriti selaras dengan Polisi Integriti PUSAKA.

Saya menyeru semua pihak khususnya warga PUSAKA sentiasa komited membudayakan amalan integriti dan bebas rasuah dalam penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta penghayatan nilai-nilai murni untuk menjadikan negeri Sarawak ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Sebagai masyarakat yang berilmu dan berintegriti, kita sewajarnya mengambil pengajaran daripada pelbagai situasi yang telah berlaku dan marilah kita bersama bersatu-padu untuk menjadikan Sarawak negeri yang lebih berdaya saing, bersih dan berintegriti.

Semoga dengan inisiatif-inisiatif yang digariskan didalam OACP ini, hasrat untuk menjadikan Malaysia dan Sarawak khususnya Bebas Rasuah akan menjadi realiti.

**YB DATUK AMAR HAJI AWANG TENGAH ALI HASAN**

# PERUTUSAN PENGURUS BESAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, PUSAKA telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Visi utama PUSAKA ialah untuk memacu pembangunan Industri Perakayuan di Sarawak. Perkara ini menjadi tanggungjawab PUSAKA untuk memastikan pembangunan industri perakayuan dilaksanakan dengan cekap, berkualiti dan lestari serta menjadikan industri perakayuan negara yang lebih mantap dan berdaya saing khususnya diperingkat global.

OACP PUSAKA ini merupakan dokumen antirasuah utama yang menggambarkan kesungguhan dan komitmen warga PUSAKA di pelbagai peringkat perkhidmatan dan bidang

tugas bersama dalam menghapuskan amalan rasuah dan salah laku integriti di PUSAKA. Penyediaan OACP ini juga selari dengan Pekeliling Integriti yang telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri Sarawak dan juga Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang berperanan sebagai kawalan efektif kepada agenda integriti PUSAKA yang menjadi pemacu dalam industri perakayuan negeri.

Saya menyeru seluruh warga PUSAKA agar mempunyai keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral positif yang tidak mudah dipengaruhi demi mempertahankan nama baik PUSAKA dan warga PUSAKA daripada segala bentuk penyelewengan. Elemen integriti iaitu akauntabiliti, telus, amanah dan jujur perlu dijadikan teras utama dalam penyampaian perkhidmatan di PUSAKA.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada pasukan petugas yang telah berjaya menerbitkan dokumen OACP ini. Semoga kejayaan ini dapat diteruskan lagi dengan pemantauan pelaksanaan dan penyelarasan pelan ini yang efektif.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. TUAN HAJI HASHIM HAJI BOJET**

# POLISI INTEGRITI



Majlis menandatangani Polisi Integriti ini telah dilancarkan oleh Pengerusi PUSAKA, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan pada 27 Februari 2020. Polisi Integriti ini telah disampaikan sendiri oleh Yang Berbahagia Pengurus Besar, Tuan Haji Hashim Haji Bojet dalam memastikan tadbir urus yang cemerlang dan tindakan yang selaras dengan undang-undang akan dikenakan ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang antirasuah.

# SINGKATAN

<b>PUSAKA</b>	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak
<b>OACP</b>	Pelan Antirasuah Organisasi
<b>NACP</b>	Pelan Antirasuah Nasional
<b>CRM</b>	Pengurusan Risiko Rasuah
<b>JAR</b>	Jawatankuasa Anti Rasuah
<b>SOP</b>	Standard Operating Procedure
<b>CeIO</b>	Certified Integrity Officer
<b>UNION</b>	Unit Integriti dan Ombudsman Negeri
<b>PANS</b>	Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
<b>MPK</b>	Manual Prosedur Kerja
<b>PK</b>	Prosedur Kerja
<b>JPTO</b>	Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Organisasi

## **Bahagian / Seksyen di PUSAKA**

<b>PJ</b>	Bahagian Projek dan Kejuruteraan
<b>BI</b>	Bahagian Integriti
<b>Rg</b>	Bahagian Pendaftaran
<b>PS</b>	Bahagian Perancangan Sumber
<b>PI</b>	Bahagian Perancangan Industri dan Pelesenan
<b>R&amp;D</b>	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
<b>KPd</b>	Bahagian Kawalan Perdagangan
<b>Kp</b>	Bahagian Kewangan dan Pelaburan
<b>ENF</b>	Bahagian Penguatkuasaan
<b>TD</b>	Bahagian Pembangunan Perdagangan dan Usahawan
<b>SPU</b>	Seksyen Pembangunan Usahawan
<b>HRPD</b>	Seksyen Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia
<b>HRM</b>	Unit Pengurusan Sumber Manusia
<b>ICT</b>	Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi
<b>BMS</b>	Seksyen Pengurusan Bangunan
<b>SEC</b>	Seksyen Pengurusan Keselamatan
<b>SPP</b>	Seksyen Pengurusan Perkhidmatan
<b>PK</b>	Seksyen Perhubungan Korporat
<b>LS</b>	Seksyen Undang-Undang dan Sekretarial
<b>AD</b>	Seksyen Audit Dalaman dan Pengurusan Risiko

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PUSAKA adalah berpandukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi. OACP merupakan sebuah dokumen utama PUSAKA yang menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah. Ia memberi tumpuan khusus kepada masalah rasuah yang berlaku dalam organisasi.

Selaras dengan itu, maka terhasillah dokumen OACP-PUSAKA yang akan menjadi panduan warga PUSAKA dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada Negeri Sarawak amnya dan PUSAKA khususnya.

## BAB 1

Merupakan pengenalan bagi menjelaskan secara ringkas maklumat korporat PUSAKA sebagai sebuah organisasi industri perikanan di Sarawak. Selain itu, bab ini juga merupakan pengenalan kepada tujuh (7) bidang keutamaan PUSAKA yang menjadi teras kepada OACP-PUSAKA iaitu Pelesenan, Penguatkuasaan Undang-Undang, Pengurusan Projek, Pentadbiran (Sumber Manusia), Tadbir Urus, Perolehan dan Pengurusan Program selaras dengan visi PUSAKA iaitu memacu pembangunan industri perikanan.

## BAB 2

Memfokuskan kepada Cabaran Menangani Rasuah yang dihadapi oleh PUSAKA. Bengkel Pembangunan OACP telah dilaksanakan yang melibatkan semua bahagian dan seksyen dengan bimbingan oleh UNION bagi memberi panduan dan halatuju pembangunan pelan ini. Selain itu, ia juga menggariskan tujuh (7) bidang keutamaan yang menjadi fokus kepada usaha pembanterasannya rasuah. Terdapat 10 objektif strategik yang telah dikenalpasti dimana 90 inisiatif yang akan dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif tersebut dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

## BAB 3

Menerangkan tentang ciri-ciri tadbir urus yang baik di PUSAKA. Semua warga PUSAKA mempunyai tanggungjawab melaksanakan tugas masing-masing berpaksikan prinsip kesaksamaan, ketelusan dan akauntabiliti. Bab ini juga menjelaskan mekanisme pemantauan dan penilaian OACP melalui inisiatif yang dibuat untuk mengenalpasti risiko dan jurang supaya dapat diselaras dengan sewajarnya untuk mencapai objektif yang dihasratkan.

## BAB 4

Menggambarkan komitmen PUSAKA dalam menyokong Kerajaan untuk menangani isu rasuah, integriti dan tadbir urus melalui inisiatif yang digariskan dalam OACP ini.

# ISI KANDUNGAN

Mukasurat

<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Latar Belakang PUSAKA	12
	1.2 Statistik Kes Rasuah di Malaysia	14
	1.3 Sepintas Lalu Mengenai Gejala Rasuah di Sarawak	17
	1.4 Punca Utama Rasuah dan Salah Laku	18
	1.5 Komitmen Integriti dan Tadbir Urus PUSAKA	20
	1.6 Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko	21
	1.7 Bidang Keutamaan yang Berisiko	22
<b>BAB 2</b>	<b>Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah Di PUSAKA</b>	
	2.1 Keperluan Pelan Antirasuah dalam Kontekstual kepada Kerangka OACP-PUSAKA	26
	2.2 Garis Panduan Asas Membina Kerangka Pelan	28
	2.3 Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PUSAKA	29
	2.4 Analisis Kuadran Pelan Tindakan	30
	2.5 Strategi dan Inisiatif di Bawah Bidang Keutamaan	31
<b>BAB 3</b>	<b>Tadbir Urus</b>	
	3.1 Pengenalan kepada Tadbir Urus dan Prinsip-Prinsip Tadbir Urus	48
	3.3 Mekanisme Pelaksanaan	50
	3.4 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	52
<b>BAB 4</b>	<b>Kesimpulan</b>	54



# LEMBAGA PENGURUSAN PUSAKA



Duduk dari kiri ke kanan : YB Datuk Amar Jaul Samion, YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan,  
YB Datuk Haji Mohd Naroden Bin Haji Majais

Berdiri dari kiri ke kanan : YBhg. Datu Dr. Haji Wan Lizozman Bin Wan Omar, YB Datu Haji Len Talif Salleh,  
YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Abdul Aziz Bin Dato Haji Husain, YBhg. Datu Sr. Zaidi Bin Haji Mahdi,  
Yang Berusaha Encik Abdullah Bin Julaihi, YBhg. Tuan Haji Hashim Bin Haji Bojet

# PENGURUSAN PUSAKA



Tuan Haji Hashim Bin Haji Boyet  
Pengurus Besar



Cik Hajah Haluyah Binti Awi  
Timbalan Pengurus Besar



Puan Hajah Sadiyah Binti Tu  
Penolong Pengurus Besar Kanan  
(Projek & Kejuruteraan)



Puan Suraya Binti Mohamad Ali  
Penolong Pengurus Besar (Integriti)



Encik Bill Ensok Anak Abang  
Penolong Pengurus Besar  
(Projek & Kejuruteraan)



Puan Ruhi Sibaf @ Nur Mithali Abdullah  
Penolong Pengurus Besar (Pendaftaran)



Tuan Haji Hamzah Haji Mersihdi  
Penolong Pengurus Besar  
(Perancangan Sumber)



Encik Nicholas Andrew Lissem  
Penolong Pengurus Besar  
(Perancangan Industri & Pelesenan)



Encik Johari Zainuddin  
Penolong Pengurus Besar  
(Penyelidikan & Pembangunan)



Encik Awang Mentali Bin Awang  
Mohamed Sulaiman  
Penolong Pengurus Besar  
(Kawalan Perdagangan)



Encik Dahrawi Bin Muhammad  
Pemangku Penolong Pengurus Besar  
(Penguatkuasaan)



Encik Abang Luqman Alhakim Bin Abang Wahid  
Penolong Pengurus Besar  
(Kewangan & Pelaburan)



Puan Hajah Eda binti Haji Edan  
Penolong Pengurus Besar  
(Pembangunan Perdagangan & Usahawaan)



The image is a collage of wood-related scenes. In the top right, there are stacks of cut logs. In the center, a person wearing glasses is measuring a log with a tape measure. Below that, there is a large stack of logs with small labels on their ends. In the background, there are tall trees in a forest. The entire collage is overlaid with green geometric shapes and patterns.

# BAB 1

# PENGENALAN



## LATAR BELAKANG

PUSAKA atau lebih dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, ditubuhkan pada tahun 1973. Penubuhan PUSAKA ini adalah di bawah Ordinan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak 1973.

Penubuhannya dilaksanakan atas saranan Pertubuhan Pemakanan dan Pertanian (FAO) Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah menjalankan inventori hutan secara menyeluruh pada tahun 1968 hingga 1972.

PUSAKA telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan mempergiatkan perkembangan yang dirancangan bagi industri yang berasaskan kayu kayan di seluruh negeri Sarawak. Ini adalah sejajar dengan pembangunna dan kepentingan keseluruhan ekonomi, kewujudan modal dan kepakaran teknikal dan pengurusan yang berkesan daripada sumber hutan.

## VISI

Memacu Pembangunan Industri Perkayuan.

## MISI

Kami mengawal selia dan memudahkan pembangunan industri perkayuan yang inovatif.

## OBJEKTIF

- Mewujudkan polisi dan strategi baru bagi memaju dan membangunkan industri perkayuan.
- Mewujudkan kaedah yang efisien dan menguntungkan dalam penggunaan sumber hutan.
- Mewujudkan konsep dan strategi baru untuk industri perkayuan bagi menjamin agar segala manfaat dari hasil hutan dapat dinikmati secara menyeluruh.
- Membolehkan Kerajaan Negeri menyelaras dan melaksanakan strategi pembangunan industri perkayuan melalui penyertaan sektor awam untuk mewujudkan industri baru.

# FUNGSI PUSAKA



# KES RASUAH DI MALAYSIA

Utusan Borneo | 24 Oktober 2020 | Page: 13

## Rasuah: Bekas penolong jurutera dipenjara 14 tahun, denda RM341,000

Hakim Mohd Nasir memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak

MELAKA: Seorang bekas penolong jurutera di Malacca Teknik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Baki, Muar, Johor dipenjarakan 14 tahun dan denda RM341,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, kerana menerima rasuah.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nasir memerintahkan hukuman itu kepada terdudat, Hairudin Ngadim, 41, selepas pihak penjakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap pertuduhan yang dituduhkan terhadap terdudat. Beliau berkhidmat sebagai jurutera di Malacca Teknik PDRM Baki, Muar. Beliau dituntut membayar denda RM341,000 dan penjara 14 tahun. Beliau juga dikenakan hukuman penjara serentak.

Terdudat, Hairudin dituntut membayar denda RM341,000 dan penjara 14 tahun. Beliau juga dikenakan hukuman penjara serentak.

"Saya juga merayu agar hukuman terhadap defendan dapat ditangguhkan agar pihak pembelaan dapat memfailkan notis rayuan supaya kes berkenaan dapat didengar di Mahkamah Tinggi Melaka."



TERIMA RASUAH: Hairudin (tengah) di denda RM341,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana menerima rasuah.

Terima rasuah Hairudin (tengah) di denda RM341,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana menerima rasuah. Beliau juga dikenakan hukuman penjara serentak.

Harian Metro | 29 November 2020 | Page: 8

## KORUPSI LICIK, TERANCANG

Pekerja syarikat telco buka akaun di luar negara bagi urusan pindah wang elak didiada pihak berkuasa



## Terus berlaku dalam organisasi di Malaysia

## Salah laku, rasuah jejas ekonomi

Walaupun dia Pengarah Bersama Selangor Forensik dan Ligasi, PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn. Bhd., Tang Ai Leen, Amelin berkata, fampai azide da-jerabah, organisasi...

Sinar Harian | 31 Januari 2021 | Page: 1

## 47.5% KES SPRM LIBAT PENJAWAT AWAM



Hampir separuh daripada tangkapan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mali (SPRM) dalam tempoh empat tahun terakhir adalah melibatkan penjawat awam.

Gejala rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam didapati serius sejak 10 tahun kebelakangan ini dan dikuatir teras meningkat sekiranya tidak segera dibendung. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Shamsuddin Baharin Mohd. Jamil berkata, sejak 2014 hingga tahun lalu, SPRM telah menahan seramai 2,329 orang dan daripada jumlah tersebut 54 peratus membabitkan 1,257 individu berumur 40 tahun ke bawah. Beliau berkata, 635 atau 50 peratus dalam lingkungan usia itu merupakan penjawat awam yang terlibat dalam gejala rasuah. "Mereka yang ditahan terdiri dalam kumpulan sokongan dan pelaksana berumur 17 hingga 38. "Ada kes yang diliasat SPRM membabitkan kakitangan kerajaan yang baru berkhidmat beberapa tahun tetapi mampu membeli telefon pintar iPhone keluaran terbaru, selain memandu kenderaan yang boleh dikategorikan sebagai mewah," katanya.

## Gejala rasuah penjawat awam serius

Gejala rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam didapati serius sejak 10 tahun kebelakangan ini dan dikuatir teras meningkat sekiranya tidak segera dibendung. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Shamsuddin Baharin Mohd. Jamil berkata, sejak 2014 hingga tahun lalu, SPRM telah menahan seramai 2,329 orang dan daripada jumlah tersebut 54 peratus membabitkan 1,257 individu berumur 40 tahun ke bawah. Beliau berkata, 635 atau 50 peratus dalam lingkungan usia itu merupakan penjawat awam yang terlibat dalam gejala rasuah. "Mereka yang ditahan terdiri dalam kumpulan sokongan dan pelaksana berumur 17 hingga 38. "Ada kes yang diliasat SPRM membabitkan kakitangan kerajaan yang baru berkhidmat beberapa tahun tetapi mampu membeli telefon pintar iPhone keluaran terbaru, selain memandu kenderaan yang boleh dikategorikan sebagai mewah," katanya.

665 kerta siasatan dibuka berkaitan rasuah penjawat awam 2018-Februari 2020

63 kes dituntut di mahkamah

Sinar Harian | 14 Jun 2020 | Page: 34

## Pegawai polis terima rasuah RM11,000 ditahan

KOTA BHARU - Seorang pegawai polis berpangkat asisten superintendan ditahan disyaki menerima wang suapan berjumlah RM11,000. Wang suapan berkenaan dipercayai sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan terhadap dua tahanan bersabit kesalahan mencuri dan menganiaya haiwan. Pegawai tersebut ditahan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan pada jam 3 petang kelmarin. Suspek yang dibawa ke Mahkamah Kota Bharu direman selama enam hari sehingga hingga 17 Jun ini. Sementara itu, Pengarah SPRM Kelantan, Rosli Husain yang dihubungi mengesahkan mengenai penahanan tersebut.

## KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM INDEKS RASUAH GLOBAL CPI MALAYSIA 2014-2019

Tahun	Kedudukan	Skor
2014	51	52
2015	54	50
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47
2019	51	53

Sumber: Transparency International Malaysia

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International 2019 melonjak naik 10 mata pada kedudukan 51 dengan mata skor sebanyak 53 berbanding dengan tahun 2018 pada kedudukan 61 dengan mata skor sebanyak 47.


PERANGKAIAN TANGKAPAN MENGIKUT KATEGORI KUMPULAN DAN UMUR BAGI TAHUN 2015 – 2020																															
KATEGORI KUMPULAN	2015				2016				2017				2018				2019				2020				JUMLAH KESELURUHAN						
	<20	21-40	41-60	>61	JUM	<20	21-40	41-60	>61	JUM	<20	21-40	41-60	>61	JUM	<20	21-40	41-60	>61	JUM	<20	21-40	41-60	>61		JUM					
PENJAWAT AWAM	0	206	192	0	398	0	284	182	0	466	0	261	145	3	409	0	267	148	3	418	0	279	237	9	525	0	285	176	6	467	2,683
ORANG AWAM	6	166	130	14	316	0	126	79	34	239	6	160	94	12	272	2	153	72	13	240	2	134	125	33	294	0	140	106	15	261	1,622
LAIN-LAIN KATEGORI (SWASTA, POLITIK DAN LAIN-LAIN)	0	70	49	8	127	0	90	133	11	234	0	67	111	20	198	0	76	123	37	236	0	89	180	13	282	0	106	142	22	270	1,347
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>442</b>	<b>371</b>	<b>22</b>	<b>841</b>	<b>0</b>	<b>500</b>	<b>394</b>	<b>45</b>	<b>938</b>	<b>6</b>	<b>488</b>	<b>350</b>	<b>35</b>	<b>879</b>	<b>2</b>	<b>496</b>	<b>343</b>	<b>53</b>	<b>894</b>	<b>2</b>	<b>502</b>	<b>542</b>	<b>55</b>	<b>1101</b>	<b>0</b>	<b>531</b>	<b>424</b>	<b>43</b>	<b>998</b>	<b>5,652</b>

Sumber :  
Unit Statistik, Bahagian Pengurusan Rekod & Maklumat, SPRM Sehingga 31 DISEMBER 2020





## EPIKOD AGENDA PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA



## ASPIRASI MALAYSIA

Antara tahun 2005 hingga 2014, Malaysia telah kehilangan

**RM1.8 trillion**

menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan rasuah.

SUMBER: *Global Financial Integrity Report 2017*

SEKTOR YANG PALING TERDEDAH KEPADA RASUAH

**63.30%**

Aduan rasuah diterima melibatkan Sektor Awam

SUMBER: *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)*




**VISI**

“Ke Arah Negara Bebas Rasuah”

## SEPINTAS LALU MENGENAI GEJALA RASUAH DI SARAWAK


JUMLAH TANGKAPAN MENGIKUT SEKTOR (2015 - 2019)



## KOMITMEN MEMBANTERAS GEJALA RASUAH DI SARAWAK



# PUNCA UTAMA RASUAH DAN SALAH LAKU



## GEJALA RASUAH DALAM ORGANISASI

Arahan Pihak Atasan	Kurang Integriti	Kelemahan SOP	Tamak	Tiada Tindakan Punitif
Kurang Pengetahuan Tentang Kerja	Ruang Dan Peluang	Dorongan Pihak Luar	Tiada Pemantauan	Tiada Hebahan Tentang Undang-Undang / Polisi
	Kepentingan Peribadi	Rasuah Di Awal Usia	Salah Guna Kuasa	

## KESAN-KESAN RASUAH KEPADA PENJAWAT AWAM



## ANALISIS DATA SALAH LAKU DI PUSAKA

Sepanjang tempoh lima tahun dari 2016 hingga 2020, **TIADA** rekod salah laku integriti dicatatkan di PUSAKA.

# KOMITMEN INTEGRITI DAN TADBIR URUS PUSAKA



## ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Pelbagai bentuk data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi penekanan oleh PUSAKA bagi tujuan pembangunan OACP PUSAKA yang merangkumi tempoh lima tahun yang akan datang (2021-2025). Data-data berkenaan adalah berbentuk statistik, laporan, kajian dan maklumat daripada agensi yang berkaitan seperti berikut: -

i.	Maklumat yang diperolehi daripada agensi-agensi utama: -
a.	Data dan statistik aduan rasuah SPRM bagi tempoh 2015-2019
b.	Laporan Ketua Audit Negara
c.	Statistik dan aduan salah laku dan integriti dari Seksyen Perancangan & Pembangunan Sumber Manusia
d.	Laporan Talikhidmat
ii.	Pelan Strategik PUSAKA 2016-2019
iii.	Pelan Integriti PUSAKA
iv.	Pelan Pengurusan Risiko Rasuah PUSAKA

## PENILAIAN RISIKO

PUSAKA telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/Corruption Risk Analysis (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di PUSAKA yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah

Menganalisis data risiko rasuah semasa Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 11 Oktober 2019.



Data-data dalam organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan-laporan audit dan kajian kepuasan pelanggan.



Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Talikhidmat.



Mengenalpasti risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP 16 - 18 Februari 2021.



## BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO DI PUSAKA

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tujuh (7) bidang keutamaan yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di PUSAKA yang telah dikenalpasti:

### 1. Pelesenan

Pelesenan adalah suatu tanggungjawab PUSAKA bagi melaksanakan dasar dan undang-undang berkaitan dengan aktiviti kutipan hasil dalam negeri seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa iaitu hasil Pendaftaran, Kawalan Mutu dan Pelesenan. Tanpa kawalan dan pemantauan yang berkesan, PUSAKA tidak mungkin dapat memenuhi hasrat Kerajaan untuk memungut hasil seperti yang disasarkan kerana ia berisiko kepada manipulasi oleh komuniti perdagangan sekaligus meniriskan hasil negara.

### 2. Penguatkuasaan Undang-Undang

Penguatkuasaan merupakan aktiviti untuk membanteras segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan berpandukan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Ia penting bagi memastikan hasil PUSAKA sentiasa dipelihara dan dilindungi tanpa mengganggu transaksi perdagangan yang sah. Kebanyakan bidang penguatkuasaan sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campurtangan oleh pihak Eksekutif, kurangnya kebebasan dan integriti yang akhirnya mendedahkan mereka kepada rasuah. Maka, penguatkuasaan undang-undang harus diperkasakan agar lebih bebas dan telus bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.

### 3. Pengurusan Projek

Pengurusan projek ialah aktiviti dalam merancang, merekabentuk, melaksana dan memantau projek. Semasa melaksanakan sesuatu projek, PUSAKA perlu mengimbangkan masa, sumber dan kualiti supaya dapat menyiapkan projek tersebut dengan memenuhi objektif dan keperluan pelanggan supaya tidak merugikan PUSAKA.

### 4. Pentadbiran (Sumber Manusia)

Pengurusan sumber manusia melibatkan aktiviti merekrut, memilih, melatih dan membangunkan pekerja-pekerja organisasi tersebut. Tujuan pengurusan sumber manusia adalah untuk memastikan bahawa orang yang diambil bekerja digunakan secara cekap dan berkesan dalam menyumbang untuk mencapai objektif PUSAKA.

## 5. Tadbir urus

Tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara pegawai melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan proses di mana PUSAKA diurus/diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui.

## 6. Perolehan

Perolehan adalah satu cara untuk mendapatkan atau membeli peralatan atau perkhidmatan atau kerja yang dikehendaki. Bagi PUSAKA cara melaksanakan perolehan ditetapkan dalam Prosedur Kewangan dan Perakaunan PUSAKA (PKPP) dan arahan dari Kerajaan dari semasa ke semasa.

## 7. Pengurusan Program

Pengurusan program merujuk kepada cara pengurusan program yang bermula dari perancangan, pelaksanaan dan pemantauan sesuatu program sehingga program tersebut selesai dilaksanakan. Program ini bertujuan menghasilkan produk, perkhidmatan dan hasil yang akan memberi nilai tambah serta memberi manfaat kepada pelanggan PUSAKA.



# 7 BIDANG KEUTAMAAN





# BAB 2



**MEMPERKASAKAN  
USAHA PENCEGAHAN  
RASUAH DI PUSAKA**

## KEPERLUAN PELAN ANTIRASUAH DALAM KONTEKSTUAL KEPADA KERANGKA OACP-PUSAKA


Selaras dengan agenda transformasi Perkhidmatan Awam Negeri, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) secara konsisten mewujudkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang berkualiti dan berintegriti tinggi demi kesejahteraan rakyat. Simptom penyalahgunaan kuasa, rasuah dan kepincangan pengurusan juga ditangani secara proaktif. Gejala negatif seperti ini perlu dihapuskan sepenuhnya bagi mengekalkan tahap keberkesanan, kecekapan, kepercayaan serta kestabilan Kerajaan Negeri amnya.

Bagi mendukung visi ke arah kerajaan yang bebas rasuah dan aspirasi negara supaya dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah, PUSAKA akan terus menggandakan usaha pendidikan dan pencegahan rasuah untuk tempoh lima tahun akan datang. PUSAKA akan menggantikan Pelan Integriti Organisasi (PIO) dengan Pelan Antirasuah PUSAKA dan menambahbaik Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) – “Membanteras Rasuah”.


OACP-PUSAKA yang lebih menyeluruh berupaya memberi impak positif yang berkekalan. OACP-PUSAKA diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan penjawat awam yang bertugas di setiap Bahagian dan Seksyen di PUSAKA menerusi sesi perbengkelan dan penganalisaan data-data sedia ada.

OACP-PUSAKA akan memacu dan mencetus ke arah merekayasakan kebertanggungjawaban, ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti dan semangat akauntabiliti yang tinggi dalam sistem dan prosedur di semua sektor. Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data primer/sekunder, dapatan kajian dan Perancangan Senario (Scenario Planning). Hasilnya, OACP-PUSAKA menggariskan sebuah kerangka inklusif yang memayungi strategi yang menyeluruh dalam memerangi segala jenayah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Antara inisiatif yang dirangka adalah memastikan komitmen pemegang taruh dalam meningkatkan integriti, akauntabiliti dan membanteras rasuah.


OACP-PUSAKA ini telah menetapkan **tujuh (7)** bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang Keutamaan tersebut ialah **Pelesenan, Penguatkuasaan Undang-Undang, Pengurusan Projek, Pentadbiran (Sumber Manusia), Tadbir Urus, Perolehan dan Pengurusan Program**. Strategi yang dikenal pasti melalui **tujuh (7)** bidang keutamaan ini ialah **Memperkukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Pelesenan, Memantapkan Keberkesanan Penguatkuasaan Undang-Undang, Memperkukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek, Memperkasakan Keberkesanan Dan Kredibiliti Tadbir Urus Sumber Manusia, Memperkukuhkan Keberkesanan dan Ketelusan dalam Sistem Tadbir Urus Organisasi, Memperkasakan Pengurusan Perolehan, dan Memperkukuhkan Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Program**. Strategi yang digariskan ini menjurus pada **10** objektif strategik yang meliputi **90** inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.



**PELAN INTEGRITI PUSAKA  
2015-2019**



**PELAN PENGURUSAN RISIKO  
RASUAH (CRM) Versi 1/2019**



**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI  
2021-2025**



## GARIS PANDUAN ASAS MEMBINA KERANGKA PELAN

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar, berkesan dan mengikut perancangan yang ditetapkan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina Kerangka OACP yang mantap yang terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan (Anticipation), Advokasi (Advocacy), Persepakatan (Alliance), Tindakan (Action) dan Akreditasi (Accreditation).

### Jangkaan (Anticipation)

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah oleh organisasi melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA), yang melibatkan proses pengumpulan data dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan, mengatasi dan menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

### Advokasi (Advocacy)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor, dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

### Persepakatan (Alliance)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran organisasi, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

### Tindakan (Action)

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang, dasar dan peraturan sama ada melalui mekanisme semak dan imbang, penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan yang sedia ada.

### Akreditasi (Accreditation)

Memfokuskan proses pemantauan dan penilaian untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dilaksanakan sepenuhnya oleh individu atau organisasi. Perkara ini penting untuk memperbaiki dasar dan program sedia ada.

# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) PUSAKA

## VISI

Ke Arah PUSAKA  
Berintegriti Dan Bebas Rasuah

## MISI

- Membudayakan Amalan Integriti Yang Tinggi
- Mewujudkan Budaya Kerja Bebas Rasuah

## MATLAMAT

- Meningkatkan Keupayaan Penyampaian Perkhidmatan Melalui Tadbir Urus Yang Telus, Cekap Dan Berkesan
- Menutup Ruang Dan Peluang Salah Laku Rasuah Melalui Pemerkasaan Governans dan Integriti

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI		
		90	PELAN TINDAKAN / INISIATIF
Pelesenan	Memperkuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Pelesenan	10	OBJEKTIF STRATEGIK
Penguatkuasaan Undang-Undang	Memantapkan Keberkesanan Penguatkuasaan Undang-Undang	7	STRATEGI
Pengurusan Projek	Memperkuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek	7	BIDANG KEUTAMAAN
Pentadbiran (Sumber Manusia)	Memperkasakan Keberkesanan Dan Kredibiliti Tadbir Urus Sumber Manusia	10	JANGKA PENDEK (JAN 2021 – DIS 2021)
Tadbir Urus	Memperkuhkan Keberkesanan dan Ketelusan dalam Sistem Tadbir Urus Organisasi	3	JANGKA SEDERHANA (JAN 2021 – DIS 2022)
Perolehan	Memperkasakan Pengurusan Perolehan	77	JANGKA PANJANG (JAN 2021 – DIS 2025)
Pengurusan Program	Memperkuhkan Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Program		

# ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN

Hasil analisis kuadran yang telah dilaksanakan, sebanyak 90 inisiatif telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun (2021-2025). 90 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Penekanan akan dipusatkan kepada pelan tindakan yang berimpak tinggi dengan kompleksiti rendah yang mana akan memberi kesan besar kepada kecekapan dan ketelusan PUSAKA.

**68 inisiatif (76%)** yang telah dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A memerlukan usaha dalam pelaksanaannya, namun mampu memberi kesan dan impak yang besar kepada PUSAKA. Manakala **19 inisiatif (21%)** pula berada dalam kelompok Kuadran B memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai dan pastinya menyumbang kepada penambahbaikan tadbir urus PUSAKA. **3 inisiatif (3%)** lagi berada dalam kelompok Kuadran C yang pastinya dapat dilaksanakan dengan usaha yang minima namun mampu mendatangkan hasil yang positif.



## STRATEGI 1

Memperkukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Pelesenan

## STRATEGI 2

Memantapkan Keberkesanan Penguatkuasaan Undang-Undang

## STRATEGI 3

Memperkukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek

## STRATEGI 4

Memperkasakan Keberkesanan Dan Kredibiliti Tadbir Urus Sumber Manusia

## STRATEGI 5


Memperkukuhkan Keberkesanan dan Ketelusan dalam Sistem Tadbir Urus Organisasi

## STRATEGI 6

Memperkasakan Pengurusan Perolehan

## STRATEGI 7

Memperkukuhkan Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Program



Penerangan :

**IMPAK** Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

**KOMPLEKSITI** Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

# STRATEGI

## Strategi dan Inisiatif

Setelah penilaian ke atas bidang keutamaan Bahagian / Seksyen di PUSAKA, sebanyak 90 inisiatif telah dikenalpasti dan telah dikelompokkan melalui kuadran berdasarkan impak dan kompleksiti. Rumusan kepada kuadran ini adalah seperti yang berikut:

Kuadran A : 68

Kuadran B : 19

Kuadran C : 3

Kuadran D : 0

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Pelesenan</b>			
1	Menambahbaik sistem STIDC Timber Industry Information System (STIS).	B	Strategi 1
2	Mewujudkan <i>Whistle-blower Policy</i> STIDC.	A	Strategi 1
3	Memantapkan Proses Kerja: i. Menambahbaik Borang Kerja Pemeriksaan; ii. Menambahbaik Jadual Pemeriksaan/Jadual Penggiliran; iii. Memastikan lebih dari seorang anggota semasa menjalankan pemeriksaan di lapangan; dan iv. Memantapkan pengawasan dalaman.	A	Strategi 1
4	Memberi latihan SOP kepada pegawai/anggota.	A	Strategi 1
5	Pensijilan ISO 9001:2015 proses kerja Pengeluaran Lesen Kilang.	B	Strategi 1
6	Mengingatkan para anggota mengenai Akta Kerahsiaan (OSA) secara berterusan.	A	Strategi 1
7	Memohon kelulusan Penyelia sebelum memberi maklumat kepada pihak luar.	C	Strategi 1
8	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai/anggota yang terlibat.	B	Strategi 1
9	Meningkatkan kawalan keselamatan maklumat rasmi kerajaan.	A	Strategi 1

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Penguatkuasaan Undang-Undang</b>			
10	Mempertingkatkan pengawasan, penjadualan dan penugasan anggota pelaksana aktiviti penguatkuasaan.	A	Strategi 2
11	Mengadakan taklimat / peringatan berterusan kepada anggota berhubung kesalahan memanipulasi laporan operasi.	A	Strategi 2
12	Membuat laporan salahlaku anggota (pembocor maklumat) untuk tindakan punitif.	B	Strategi 2
13	Menyediakan Terma Rujukan berhubung dengan Pengurusan maklumat operasi mengikut klasifikasi kerahsiaan.	A	Strategi 2



No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Penguatkuasaan Undang-Undang</b>			
14	Menyediakan depo khas penyimpanan barang rampasan.	A	Strategi 2
15	Menambahbaik kaedah pengurusan dan penandaan barang rampasan / eksibit.	A	Strategi 2
16	Mengadakan sesi percambahan fikiran dan lab untuk menambahbaik dan mewujudkan provisi undang-undang.	A	Strategi 2
17	Menguatkan pemahaman dan kesedaran anggota terhadap undang-undang dan MPK sedia ada.	A	Strategi 2
18	Menyediakan pelan pemerkasaan Bahagian Penguatkuasaan.	A	Strategi 2

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Pengurusan Projek</b>			
19	Mewujudkan modul kursus/ program pementapan pengetahuan dan kompetensi secara hands-on.	B	Strategi 3
20	Melaksanakan program pementapan kompetensi/ program pengukuhan integriti pelaksana projek.	B	Strategi 3
21	Meningkatkan bilangan dan kompetensi khusus anggota.	B	Strategi 3
22	Mengadakan latihan dan penyaksian fizikal sebelum kelulusan bahan.	A	Strategi 3
23	Membuat pemeriksaan tapak secara rawak.	A	Strategi 3
24	Mewujudkan pasukan audit dalaman dan menjemput audit luaran bagi melaksanakan pengauditan projek.	A	Strategi 3
25	Mewujudkan sistem punitif kepada anggota.	B	Strategi 3
26	Memperkasakan mekanisme pemantauan bagi segala bayaran yang dibuat oleh pegawai.	A	Strategi 3
27	Menguatkan mekanisme dalam menguatkuasakan penyediaan dokumen pembayaran berpandukan MPK.	A	Strategi 3
28	Penguatkuasaan klausa tata tertib jika tidak patuh arahan PK/MPK.	A	Strategi 3
29	Menambahbaik PK/MPK Pemantauan projek.	C	Strategi 3
30	Kaunseling kepada pegawai yang terlibat.	A	Strategi 3
31	Menambahbaik MPK proses pemilihan.	A	Strategi 3
32	Penguatkuasaan klausa tata tertib jika tidak patuh arahan PK/MPK.	A	Strategi 3
33	Menubuhkan Jawatankuasa Meluluskan Adhoc Projek/ Program.	A	Strategi 3
34	Menambahbaik template skop pemantauan berserta waktu.	C	Strategi 3
35	Penguatkuasaan pematuhan MPK Lawatan dan Pemantauan Tapak.	A	Strategi 3

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Pengurusan Projek</b>			
36	Melaksanakan program pengukuhan integriti.	A	Strategi 3
37	Menguatkuasakan pelaksanaan Integrity Pact.	A	Strategi 3

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Pentadbiran (Sumber Manusia)</b>			
38	Memantapkan proses serta kriteria pemilihan calon melalui sistem e-recruitment.	A	Strategi 4
39	Memantau dan melaksanakan pelan latihan yang menepati keperluan semasa.	A	Strategi 4
40	Mengemaskini polisi dan memantapkan pelaksanaan "succession planning".	A	Strategi 4
41	Melaksanakan inisiatif bagi urusan kenaikan pangkat/"succession planning" mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.	A	Strategi 4
42	Memantapkan polisi dan garis panduan berkaitan pemilihan dan pengambilan anggota /kenaikan pangkat.	A	Strategi 4
43	Memperkukuhkan pelaksanaan ikrar yang berkaitan: a. Aku Janji b. Akta Rahsia Rasmi 1972 c. Ikrar Bebas Rasuah	A	Strategi 4
44	Mewajibkan pegawai membuat deklarasi bagi penglibatan luar tugas hakiki.	A	Strategi 4
45	Memperkukuhkan pelaksanaan ikrar yang berkaitan: a. Aku Janji b. Akta Rahsia Rasmi 1972 c. Ikrar Bebas Rasuah	A	Strategi 4
46	Mengambil tindakan punitif jika didapati ketidakpatuhan kepada Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996.	B	Strategi 4
47	Memastikan semua anggota memahami kandungan Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 dan Statutory Bodies Conduct and Discipline Ordinance 2004 melalui ceramah secara berkala.	A	Strategi 4
48	Memantapkan pemahaman nilai bersama PUSAKA.	A	Strategi 4
49	Memperkukuhkan pelaksanaan ikrar yang berkaitan: a. Aku Janji b. Akta Rahsia Rasmi 1972 c. Ikrar Bebas Rasuah	A	Strategi 4
50	Melaksanakan program pengukuhan integriti.	A	Strategi 4
51	Memperketatkan kawalan penyelia ke atas keselamatan dokumen.	A	Strategi 4
52	Mengambil tindakan punitif jika didapati ketidakpatuhan kepada Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996.	B	Strategi 4

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Tadbir Urus</b>			
53	Melaksanakan "Job Matrix Analysis" dan "manpower" audit untuk memastikan struktur tadbir urus yang mantap.	B	Strategi 5
54	Memperkasakan prosedur operasi standard bagi proses pengauditan.	B	Strategi 5
55	Menganalisa laporan audit secara berkala.	A	Strategi 5
56	Mengadakan latihan/program yang boleh meningkatkan kompetensi juruaudit.	A	Strategi 5
57	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	A	Strategi 5
58	Memantapkan prosedur berkaitan kuasa melulus.	A	Strategi 5
59	Memantapkan mekanisme berkaitan pembahagian tugas (Segregation of Duty) serta semak dan imbang (Check and Balance).	A	Strategi 5
60	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	A	Strategi 5
61	Mengadakan program integriti secara berterusan kepada pegawai yang terlibat.	A	Strategi 5
62	Memperkukuhkan dan menguatkuasakan kod budaya kerja.	B	Strategi 5
63	Memperkasakan prosedur operasi standard.	A	Strategi 5
64	Mengadakan taklimat mengenai prosedur operasi standard terkini kepada semua anggota.	A	Strategi 5
65	Mengadakan program pendedahan dan latihan untuk meningkatkan kompetensi.	A	Strategi 5
66	Mengetatkan kawalan dalaman berdasarkan kriteria <i>eCompliance Self Assessment (eCSA)</i> .	B	Strategi 5
67	Pemantauan ketidakpatuhan melalui projek pengauditan dan audit susulan.	A	Strategi 5
68	Melaporkan ketidakpatuhan kepada pihak pengurusan.	A	Strategi 5
69	Pemantauan oleh Audit Dalaman berhubung teguran dan cadangan audit.	A	Strategi 5
70	Menganalisa berhubung isu/ penemuan audit berulang.	A	Strategi 5
71	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	A	Strategi 5
72	Menguatkuasakan kod budaya kerja.	B	Strategi 5
73	Mengadakan program integriti berterusan untuk pegawai.	A	Strategi 5
74	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	A	Strategi 5

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Perolehan</b>			
75	Mengadakan latihan/bengkel/kursus sekurang-kurangnya sekali setahun untuk meningkatkan kompetensi pegawai perolehan.	A	Strategi 6
76	Membuat pemeriksaan silang antara bahagian.	A	Strategi 6
77	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	B	Strategi 6
78	Menguatkuasakan <i>Integrity Pact</i> .	A	Strategi 6
79	Melaksanakan pusingan kerja setiap 5 tahun.	B	Strategi 6
80	Mewujudkan polisi/kaedah <i>whistleblower</i> yang mudah/ <i>user-friendly</i> .	A	Strategi 6
81	Mewujudkan MPK Pengurusan Maklumat Perolehan.	A	Strategi 6
82	Menguatkuasakan <i>Integrity Pact</i> .	A	Strategi 6
83	Mewujudkan ruang/bilik khas untuk penilaian tender / sebut harga, lengkap dengan kelengkapan untuk menyiapkan ( <i>finalise</i> ) penilaian.	A	Strategi 6
84	Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat.	B	Strategi 6
85	Menyemak latar belakang bagi semua pegawai penilai dan ahli jawatankuasa sebelum pelantikan dibuat.	A	Strategi 6
86	Menguatkuasakan pelaksanaan deklarasi percanggahan kepentingan dalam mesyuarat sebut harga / tender.	A	Strategi 6

No.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
<b>Pengurusan Program</b>			
87	Melaksanakan penggiliran tugas (eg. Maksimum 5 tahun untuk tugas berisiko dan 10 tahun tugas tidak berisiko).	A	Strategi 7
88	Mengambil tindakan punitif terhadap kakitangan yang terlibat.	B	Strategi 7
89	Mengadakan program kesedaran integriti di kalangan kakitangan.	A	Strategi 7
90	Menambahbaik prosedur operasi standard untuk pengurusan program.	A	Strategi 7

## BIDANG KEUTAMAAN 1 PELESENAN

<b>STRATEGI</b>	<b>1</b>	INISIATIF	9
		JANGKA PENDEK	2
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	<b>2</b>	JANGKA SEDERHANA	0
		JANGKA PANJANG	7

<b>STRATEGI 1 :</b>		Memperkuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Pelesenan			
<b>OBJEKTIF STRATEGIK : 1.1</b>		Memperkuhkan Sistem Kawalan Dalaman dan Meningkatkan Pencapaian Perkhidmatan Awam			
<b>OBJEKTIF STRATEGIK : 1.2</b>		Meningkatkan Nilai Integriti			
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : Memperkuhkan Sistem Kawalan Dalaman dan Meningkatkan Pencapaian Perkhidmatan Awam</b>					
